

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

SOALAN NO. 107

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai setiap satu nama projek, tarikh dan jumlah wang terlibat kerjasama antara Malaysia dan China:

- (a) di bawah Dasar Pandang Timur dari 1982 – 2019; dan
- (b) di bawah inisiatif Belt and Road dari 2013 – 2019.

JAWAPAN

Tuan,

Dasar Pandang Ke Timur (DPT)

1. Dasar Pandang Ke Timur (DPT) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982 di Kuala Lumpur. Menerusi dasar ini Kerajaan Malaysia telah mengkaji, meneliti dan memilih contoh-contoh serta amalan-amalan terbaik daripada negara Jepun dan Korea Selatan agar dapat diterapkan di Malaysia untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan sektor awam serta sektor swasta tempatan.
2. DPT turut bermatlamat untuk mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja positif yang bakal menyumbang kepada pemacuan kemajuan negara.

3. Pelaksanaan DPT telah mendatangkan manfaat kepada pembangunan ekonomi Malaysia terutamanya melalui program latihan dan program pendidikan dalam bidang sains dan teknologi yang ditawarkan oleh negara Jepun dan Korea Selatan.
4. Pada tahun 2013, DPT Gelombang Kedua (LEP 2.0) telah diperkenalkan sebagai lanjutan kepada DPT sedia ada. Selain terus memperkukuhkan kerjasama dalam aspek latihan dan pendidikan, LEP 2.0 bermatlamat meningkatkan potensi perdagangan dan pelaburan dalam bidang-bidang keutamaan yang telah digariskan oleh Malaysia.
5. Senarai projek berdasarkan rekod sedia ada di bawah LEP 2.0 adalah seperti di **Lampiran A**.

Belt and Road Initiative (BRI)

6. ***Belt and Road Initiative (BRI)*** yang sebelum ini dikenali sebagai *One Belt One Road (OBOR)*, merupakan suatu aspirasi yang diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) pada bulan September 2013 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan serantau. BRI merangkumi dua komponen utama iaitu **Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera (*Silk Road Economic Belt*)** dan **Laluan Maritim Kurun Ke-21 (*21st Century Maritime Silk Road*)**.
7. Sehingga 30 April 2019, sebanyak **131 negara** dan **30 pertubuhan antarabangsa** telah menandatangani dokumen kerjasama (*cooperation document*) dengan RRC dalam usaha membangunkan BRI.
8. Untuk makluman, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah menandatangani 'Memorandum Persefahaman untuk Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Secara Bersama dalam Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun Ke-21 pada 13 Mei 2017.

Projek-projek BRI

9. Setakat ini, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC belum memutuskan mana-mana projek di Malaysia dan RRC untuk dikategorikan sebagai projek BRI antara kedua-dua negara. Persetujuan antara kedua-dua kerajaan perlu dicapai untuk mengiktiraf sesebuah projek atau program dengan status BRI.
10. Walau bagaimanapun, antara projek-projek utama di Malaysia yang melibatkan penyertaan daripada RRC adalah seperti berikut:
- (i) **Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP)**
Sehingga Jun 2019, MCKIP telah mencatat komitmen nilai pelaburan sebanyak 10 projek berjumlah RM18 bilion yang dijangka akan menyediakan 20,000 peluang pekerjaan.
 - (ii) **Universiti Xiamen di Malaysia (XMU)**
Kampus ini yang terletak di Sepang merupakan kampus pertama yang diluluskan oleh Kerajaan RRC untuk didirikan di luar dari negara RRC. Jumlah nilai pelaburan bagi projek ini adalah sebanyak RM1.3 bilion dan 75% daripada bahan pembinaan projek adalah menggunakan bahan tempatan. Sehingga kini, terdapat 3,839 orang pelajar tempatan dan asing yang sedang mengikuti pelbagai program sarjana muda dan sarjana di Universiti Xiamen Malaysia.
 - (iii) **Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)**
Projek ECRL akan diteruskan dengan kos sebanyak RM44 bilion seperti yang telah diumumkan pada 12 April 2019. Pada 25 April 2019, Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan China Communication Construction Company Ltd. (CCCC) berkenaan pembangunan taman-taman industri, infrastruktur, hab logistik dan pembangunan berorientasikan transit yang berkaitan dengan ECRL telah ditandatangani. MoU ini bertujuan memperkukuhkan kerjasama strategik yang komprehensif daripada kedua-dua pihak bagi meningkatkan

aktiviti ekonomi di sepanjang koridor ECRL agar dapat memaksimumkan faedah ekonomi dan jumlah trafik ECRL.

Projek ECRL akan dilancarkan semula pada 25 Julai 2019 yang mana 40 peratus daripada projek ECRL adalah tersedia bagi penyertaan kontraktor tempatan.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A**Senarai Projek LEP 2.0 Dalam Pelaksanaan**

A. Senarai Projek LEP 2.0 dengan Jepun

	Projek
1	<i>Project on Hokkaido Food Zone</i>
2	<i>Energy Efficient Vehicle (EEV) Capacity Building Programme</i>
3	<i>End of Life Vehicles (ELV) Capacity Building Programme</i>
4	<i>Strategic Collaboration to Promote/ Enhance/ Further Develop the Medical Devices Industry in Malaysia</i>
5	<i>Economic Partnership Programme (EPP)</i>
6	<i>Attachment Programme with Japanese Companies</i>
7	<i>Precision Technology Platform</i>
8	<i>Development of Sub-Critical Water (SCW) Treatment System for Biomass and Waste Biomass</i>
9	<i>Disaster Risk Management Training</i>
10	<i>Bio-Energy</i>
11	<i>Biotechnology Talent Development</i>
12	<i>Mobile Digital Wallet (MDW) System</i>

Projek

- 13 *ManGo Factory*
- 14 *Technical Assistance & Supervision to Railway Authorities*
- 15 *Cooperation in the Field of Information and Communications*
- 16 *Cooperation in the Field of Healthcare*

B. Senarai Projek LEP 2.0 dengan Korea Selatan

Projek

- 1 *Malaysia-Korea Collaboration Projects for Auto Industry (Remanufacturing)*
- 2 *Vehicle Roadworthiness Programme*
- 3 *The Integrated Circuit (IC) Design and Technology Sharing*
- 4 *Developing and Enhancing Green Technology Industry in Malaysia*
- 5 *Strategic Collaboration in Promoting Medical Devices Sector in Malaysia*
- 6 *Attachment Programme with Republic of Korea (ROK)'s Government Agencies*
- 7 *Attachment Programme with ROK Companies*
- 8 *Malaysia-Korea High Technology Centre*
- 9 *Biotechnology Talent Development with Korea*

Projek

- 10 *Food and Bio-ingredient Research with Korea*
- 11 *Malaysia-Korea Cooperation in the Field of Transport*
- 12 *Korea-Malaysia Cooperation in the Field of Healthcare and Medical Science*
- 13 *Malaysia-Korea Cooperation in the field of Korean Medicine*
- 14 *Malaysia-Korea Cooperation in the Field of e-Government*